

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM HARI INDUSTRI JUALAN LANGSUNG MALAYSIA PERINGKAT NEGERI MELAKA TAHUN 2022 DI MAHKOTA PARADE, MELAKA

MELAKA, 15 Oktober 2022 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Direct Selling Association of Malaysia (DSAM) dan Malaysian Direct Distribution Association (MDDA) menganjurkan Program Hari Industri Jualan Langsung Malaysia Peringkat Negeri Melaka di Mahkota Parade, Melaka. **Program yang berlangsung selama 3 hari dari 14 hingga 16 Oktober 2022 ini dirasmikan oleh YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sebanyak 22 syarikat jualan langsung yang berdaftar dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, menyertai program ini.**

Untuk makluman, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di bawah Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung (BPFJL) adalah bertanggungjawab untuk sentiasa mengawal selia industri jualan langsung selaras dengan peruntukan Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 [Akta 500] termasuk Garis Panduan, Peraturan dan Syarat Lesen yang berkuatkuasa.

Jualan Langsung adalah merupakan perniagaan yang berkonsepkan jualan dari pintu ke pintu, jualan secara pesanan pos atau mel melalui katalog atau melalui transaksi elektronik.

Terdapat tiga (3) jenis pelan pemasaran perniagaan jualan langsung yang ditetapkan iaitu Single Level Marketing (SLM), Multilevel Marketing (MLM), Pesanan Pos atau Mel (Mail Order).

Setakat 1 Oktober 2022, terdapat sebanyak 398 Lesen Jualan Langsung yang telah diluluskan dan masih sah untuk syarikat-syarikat menjalankan operasi perniagaan yang berkonsepkan dan bercirikan Jualan Langsung. 6 daripada jumlah tersebut adalah syarikat yang berdaftar di Negeri Melaka.

Pencapaian nilai jualan industri Jualan Langsung bagi tahun 2020 adalah berjumlah RM25.7 bilion, peningkatan sebanyak 43.6% dari tahun sebelumnya (RM17.9 bilion tahun 2019).

Melalui laporan yang dikeluarkan oleh World Federation of Direct Selling Association (WFDSA) industri jualan langsung di Malaysia yang telah berjaya mencapai kedudukan no. 6 di dunia (berbanding no. 7 sebelum ini) dan no. 4 di rantau Asia Pasifik bagi hasil jualan langsung untuk tahun 2021. Ini memperlihatkan juga bahawa industri Jualan Langsung merupakan salah satu bidang tumpuan yang berupaya menyumbang dalam mengukuhkan ekonomi negara, selain kepentingannya dalam mewujudkan peluang pekerjaan, menjana pendapatan (termasuk pendapatan tambahan) serta peluang perniagaan kepada masyarakat.

Namun, KPDNHEP memandang serius terhadap aduan-aduan yang diterima melibatkan pelanggaran dan ketidakpatuhan kepada peruntukan undang-undang dan peraturan di bawah Akta 500.

Kementerian di bawah Bahagian Penguatkuasa tidak akan berkompromi dengan mana-mana syarikat yang gagal untuk mematuhi peruntukan undang-undang tersebut serta tidak akan teragak-agak untuk membatalkan lesen Jualan Langsung syarikat.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

Dan Hal Ehwal Pengguna

Melaka, 15 Oktober 2022

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampakan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP:

